

Headline	Tokio Marine Life lancar perkhidmatan dalam talian untuk semak wang tidak dituntut		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	26 Aug 2017	Language	Malay
Circulation	45,554	Readership	136,662
Section	Supplement	Page No	A9
ArticleSize	130 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 2,529		



## Tokio Marine Life lancar perkhidmatan dalam talian untuk semak wang tidak dituntut

**KUALA LUMPUR:** Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd, syarikat insurans hayat pertama milik Jepun di Malaysia, melancarkan perkhidmatan dalam talian untuk orang ramai menyemak status wang tidak dituntut.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Toi See Jong berkata pengenalan perkhidmatan itu merupakan sebahagian daripada proses pendigitalan berterusan syarikat itu dalam menyediakan pengalaman yang sempurna kepada pelanggan.

“Kami menjangkakan pelanggan mendapat manfaat

daripada kemudahan semakan secara dalam talian ini. Dengan menyediakan perkhidmatan ini, kami berharap ia dapat menggalakkan institusi kewangan lain untuk mengikuti jejak ini supaya orang ramai sedar mengenai wang yang tidak dituntut,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Kemudahan menyemak wang yang tidak dituntut adalah hasil daripada perkhidmatan e-Tuntut yang dilancarkan baru-baru ini, yang membolehkan pelanggan mengemukakan tuntutan secara dalam talian menerusi

portal pelanggannya.

Katanya, perkhidmatan tanpa kertas itu mempercepat proses tuntutan dan membolehkan pembayaran tuntutan dibuat dengan lebih pantas, melalui bayaran terus ke akaun bank pelanggan.

“Kami akan memperkenalkan satu aplikasi pada suku keempat yang akan memudahkan dan memberi fleksibiliti kepada pelanggan untuk mengakses maklumat dasar dan membuat transaksi,” kata Toi.

Kemudahan dalam talian ini boleh dilayari di [www.tokiomarine.com](http://www.tokiomarine.com) — Bernama